

1. KETUA BAHAGIAN PERUNDANGAN

| | |
|-----------------------------------|--|
| Bahagian | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif |
| Taraf Jawatan | Tetap |
| Gaji Ditawarkan | RM8,000.00 – RM14,000.00 |
| Syarat Lantikan | <p>Calon bagi lantikan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :</p> <ul style="list-style-type: none">• Terdiri daripada Warganegara Malaysia.• Berumur tidak kurang daripada 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.• Pendidikan : Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perundangan dan/ atau Sarjana Perundangan• Sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan dengan minimum tiga (3) tahun pengalaman dalam ligitasi sivil dan jenayah |
| Kompetensi khusus yang diperlukan | <ul style="list-style-type: none">• Berkemahiran dan berpengalaman dalam mengkaji, menyediakan dan menggubal instrumen perundangan seperti MoU's, dokumen kontrak dan undang-undang subsidiari• Berkemahiran dalam aspek perundingan• Berkeupayaan dan berpengalaman dalam memberi dan menyediakan nasihat undang-undang• Berpengalaman luas dalam penggubalan perundangan dan perjanjian kontrak. Mempunyai kemahiran yang tinggi dalam komunikasi secara lisan dan bertulis juga pemikiran analitikal• Berkemampuan untuk memahami bidang undang-undang yang kompleks dengan cepat dan tepat• Mempunyai kemahiran komunikasi dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris yang baik secara lisan dan bertulis |
| Senarai Tugas | <ul style="list-style-type: none">• Bertanggungjawab untuk memberi nasihat mengenai perkara dan masalah perundangan dan mentafsirkannya selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain di bawah bidang kuasa SEDA Malaysia;• Memberi nasihat perundangan dan menyemak |

| | |
|--|--|
| | <p>dokumen berkenaan hal-hal perundangan, MoU serta kontrak perjanjian;</p> <ul style="list-style-type: none">• Menguatkuasakan Akta Tenaga Boleh Baru (TBB) dan draf semua peraturan yang perlu dari segi perundangan, arahan, notis sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta TBB;• Memberi arahan dan nasihat undang-undang kepada SEDA Malaysia dalam menjalankan tugas-tugas utama dalam menguatkuasakan Akta TBB dan perundangan subsidiari;• Membangunkan cadangan yang konkrit untuk memperbaiki rangka kerja undang-undang dan peraturan untuk memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan untuk Akta TBB dan mekanisma FiT;• Memantau pematuhan terhadap Akta TBB dan perundangan subsidiari;• Mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang tidak mematuhi keperluan Akta TBB;• Memberi maklumat terkini tentang perubahan undang-undang dalam sektor tenaga, menganalisis perubahan ini (untuk kesan terhadap Akta TBB) dan memberikan cadangan lanjut diperlukan untuk SEDA Malaysia;• Menyertai bengkel-bengkel, latihan atau acara-acara yang dianjurkan bagi menerangkan rangka peraturan baru atau instrumen undang-undang yang berkaitan dengan SEDA Malaysia (apabila diperlukan);• Menyedia, menasihati serta menyemak dokumentasi kontrak atau perjanjian yang melibatkan SEDA Malaysia. |
|--|--|